

MAHATHIR 'R'R'R'  
(I)

DARI EFFENDX ARIFFIN

1984

DAVOS, SWITZERLAND, 29 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA PERBADANAN-PERBADANAN PELBAGAI NEGARA SUPAYA MENYATUKAN NIAT MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN DENGAN HASRAT NEGARA TUANRUMAH BAGS. MEWUJUDKAN "HUBUNGAN SIMBOLIK."

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA HARUS LAH LEBIH SERIUS DENGAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI BAGI MENYUMBANG SECARA LEBIH BERMAKNA KEPADA PROSES PEMBANGUNAN NEGARA TUANRUMAH OAN BUKAN SEKADAR MELABUR DALAM KEGIATAN SEBERANGLAUT.

DALAM TEMURAMAH DENGAN MAJALAH SWITZERLAND, GENEVA NEWS AND INTERNATIONAL REPORT, BELIAU BERKATA PERBADANAN PELBAGAI NEGARA MEMPUNYAI PERANAN PENTING OALAM 'PROSES PEMBANGUNAN MALAYSIA.

PERBADANAN YANG MENEMPATKAN KEGIATAN MEREKA DI MALAYSIA TELAH SEDIKIT SEBANYAK MEMAINKAN PERANAN MENYUMBANG KEPADA PROSES PEMBANGUNAN NEGARA.

MEREKA TELAH MEMBERI SUMBANGAN TERUTAMA DALAM MENOKOK TAMBAH PROSES PENERAHAN MODAL DALAM NEGERI, MENINGKATKAN KEPAKARAN RAKYAT TENPATAN, MENGEMBANGKAN EKSPORT MALAYSIA MENERUSI RANGKAIAN PASARAN MEREKA OAN MEMINDAHKAN TEKNOLOGI. -- LAGI 1200/II  
MAHATHXR 2 DAVOS, SWITZERLAND

SAMBIL MENGAKUI PERBADANAN-PERBADANAN SEPERTI ITU MALAYSIA SEDANG MENGGALAKKAN KONSEP PENGSWASTAAN DI MANA 4 SEKTOR SWASTA DIHARAPKAN MENGAMBIL TANGGUNGJAWAB LEBIH LUAS DALAM PEMBANGUNAN NEGARA, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SETENGAH-SETENGAH KEGIATAN EKONOMI YANG SEBELUM INI DIJALANKAN OLEH SEKTOR AWAM MUNGKIN DISERAHKAN KEPADA SEKTOR SWASTA.

PERHATIAN JUGA DIBERIKAN KEPADA PLRANAN PERBADANAN PERDAGANGAN MALAYSIA YANG BARU DITUBUHKAN BAGS MEMPERTINGKATKAN PRESTASI MALAYSIA OALAM PERDAGANGAN ANTARABANGSA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERBADANAN-PERBADANAN MALAYSIA PADA NASA YANG SAHA DIGALAKKAN MENGERAHKAN SUMBER-SUMBER MODAL MEREKA OF; DALAM NEGERI DAN MENGEMBANGKAN BERTA MEMPELBAGAIKAN OPERASI MEREKA DI SEBERANG LAUT.

BELIAU JUGA BERCAKAP TENTANG PENTINGNYA BARANGAN UTAMA KEPADA EKONOMI MALAYSIA OAN PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH MALAYSIA DALAM MENUBUHKAN PERSATUAN NEGARA-NEGARA PENGELUAR TIMAH. -- LAGI

MENGENAI ABEAN, DATUK SERI OR MAHATHIR BERKATA BADAN SERANTAU ITU TELAH MENGHADAPI KESAN-KESAN KEMELESETAN LEBIH BAIK DARIPADA MANA-MANA KUMPULAN NEGARA YANG LAIN.

"INI DILAKUKAN MENERUSI PENGAMALAN LANGKAH EKONOMI YANG BIJAK DAN KEADAAN POLITIK YANG STABIL DI RANTAU BERKENAAN," TEGASNYA.  
-- BERNAMA 1205/II